

TAKLIMAT LALUAN KERJAYA PAKAR BIDANG KHUSUS (SUBJECT MATTER EXPERT) BAGI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

YBhg. Dato' Dr./ YBhg Dato'/YBr. Dr./ Tuan/ Puan,

TAKLIMAT LALUAN KERJAYA PAKAR BIDANG KHUSUS (SUBJECT MATTER EXPERT) BAGI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah membuat hebahan bagi permohonan kemasukan secara Laluan Kerjaya Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert) bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Teknologi Maklumat atau SME ICT menerusi surat edaran bertarikh 19 November 2018. Oleh itu, satu sesi taklimat berhubung laluan kerjaya pakar bidang khusus bagi SME ICT akan diadakan pada ketetapan berikut:

Tarikh : 15 Januari 2019 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
Tempat : Auditorium JPM, Blok B1, Kompleks JPM
62510 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Wilayah Persekutuan Putrajaya

* Makan dan minum tidak disediakan.



TAKLIMAT PELAKSANAAN LALUAN SME ICT SEKTOR AWAM BIL. 01/2019

15 JANUARI 2019



SELASA



10.00 PAGI

AUDITORIUM JPM

BLOK B1,

KOMPLEKS JPM, PUTRAJAYA



LIVE

MAMPU JABATAN PERDANA MENTERI

TERHAD KEPADA

400
PESERTA TERAWAL

9.30 Pagi → Pendaftaran

10.00 Pagi → Taklimat :
› Laluan SME ICT Sektor Awam
› Sistem Pengurusan Kerjaya (SPK)

11.30 Pagi → Sesi Soal Jawab

12.00 Tengah Hari → Bersurai

Pautan untuk Pendaftaran
Pautan Wakil Sumber Manusia
<http://bit.ly/2VDPDnu>

Pautan Pegawai Skim Perkhidmatan Teknologi Maklumat
<http://bit.ly/2RcnntL>

* Penyertaan kali pertama ini dibuka untuk Gred F44 - F54.

* Makan dan minum tidak disediakan penganjur.



UNIT PEMODENAN TADBIRAN
DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)

DENGAN
KERJASAMA



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
(JPA)

3. Sesi taklimat ini bertujuan memberi kefahaman dan pendedahan kepada pegawai Skim Perkhidmatan Pegawai Teknologi Maklumat mengenai laluan kemajuan kerjaya SME ICT yang telah diluluskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA). Menerusi sesi ini, adalah diharapkan pegawai-pegawai mendapat manfaat dan pengetahuan mengenai pelaksanaan laluan ini. Pada masa yang sama, pegawai Skim Perkhidmatan Pegawai Teknologi Maklumat yang berminat serta memenuhi kriteria ditetapkan boleh mengemukakan permohonan ke laluan SME ICT.
4. Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato' Dr./ YBhg Dato'/YBrs. Dr./ Tuan/ Puan yang berminat untuk menyertai sesi taklimat ini, dimohon untuk membuat pendaftaran kehadiran melalui capaian <http://bit.ly/2RcnntL> (sila klik) - Pautan Pendaftaran Pegawai Skim Perkhidmatan Teknologi Maklumat dan memanjangkan hebahan ini kepada warga di Bahagian/Seksyen/Unit YBhg. Dato' Dr./ YBhg Dato'/YBrs. Dr./ Tuan/ Puan.
5. Kerjasama dan perhatian daripada YBhg. Dato' Dr./ YBhg Dato'/YBrs. Dr./ Tuan/ Puan mengenai perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.